

---

## SIARAN BERITA

### EMPAT BADAN PROFESIONAL TELAH MENGHAPUSKAN SKALA YURAN

**KUALA LUMPUR, 26hb Mei 2015** – Empat (4) buah badan profesional yang telah dikeluarkan arahan untuk menghapuskan skala yuran mereka oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kini telah bertindak untuk berbuat demikian.

Institut Penimbangtara Malaysia (MiARB), Institut Arkitek Malaysia (PAM), Persatuan Pergigian Malaysia (MDA) dan Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM) telah melaksanakan syarat-syarat yang ditentukan oleh MyCC dan pihak MyCC telah mengesahkan bahawa mereka telah menghapuskan skala yuran mereka. 4 buah badan profesional ini turut mengumumkan bahawa skala yuran mereka telah dihapuskan dan tidak lagi boleh digunakan supaya ianya mematuhi Akta Persaingan 2010 (Akta).

Ianya diterima secara umum oleh kebanyakan penguatkuasa persaingan seluruh dunia dimana penetapan yuran oleh badan profesional akan diikuti oleh anggota-anggota mereka yang akan menyebabkan pelanggaran terhadap undang-undang persaingan.

“Badan-badan lain dan / atau persatuan perdagangan yang mana tidak mempunyai asas undang-undang menyediakan skala yuran sepatutnya mengikut contoh baik 4 buah badan ini supaya mematuhi Akta” kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Sri Hasan bin Malek.

Rakyat digalakkan untuk melaporkan kepada MyCC jika mereka mempunyai apa-apa maklumat mengenai badan profesional dan / atau persatuan perdagangan yang melibatkan diri dalam penetapan yuran yang diikuti oleh anggota-anggota mereka tanpa mana-mana asas perundangan untuk berbuat demikian.

Akta ini membenarkan MyCC mengenakan penalti kewangan sehingga sepuluh peratus (10%) daripada perolehan suatu perniagaan jika mereka didapati melanggar undang-undang, contohnya, melibatkan diri dalam penetapan harga atau penetapan yuran.

---tamat---

---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Hasnizan, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [izan@mycc.gov.my](mailto:izan@mycc.gov.my)

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkusakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).